



Kenyataan Media

CYBERJAYA

31 Mei 2021

**INDUSTRI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MESTI MEMOHON
KEBENARAN BEROPERASI UNTUK JALANKAN PERKHIDMATAN PERLU
DALAM TEMPOH PKP FASA 1 DARI 1 JUN HINGGA 14 JUN 2021**

CYBERJAYA, 31 Mei 2021 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan bahawa pihaknya telah diberikan kuasa oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) untuk mengeluarkan surat kebenaran beroperasi kepada para pemegang lesen dari MCMC yang dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu (*essential*) di bawah seliaan Kementerian tersebut iaitu sektor telekomunikasi dan Internet, penyiaran serta pos dan kurier sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 yang bermula dari 1 hingga 14 Jun 2021.

Sehubungan itu, permohonan hanya boleh dibuat oleh **pemegang lesen** di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998, Akta Perkhidmatan Pos 2012 dan Akta Tandatanganan Digital 1997.

Hanya pemegang lesen di bawah sektor-sektor yang dikenal pasti sebagai perkhidmatan perlu boleh membuat permohonan kebenaran beroperasi dan pergerakan bagi **pihak syarikat dan syarikat-syarikat vendor di dalam rantaian perkhidmatan** mereka kepada MCMC menerusi e-mel: mco.compliance@mcmc.gov.my.

Senarai aktiviti-aktiviti yang dibenarkan seperti yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah seperti jadual yang tertera di bawah:

Skop Aktiviti	Senarai Perkhidmatan	Rantaian Perkhidmatan
Telekomunikasi dan Internet	<ul style="list-style-type: none"> Operasi dan penyelenggaraan Pusat Perkhidmatan Pelanggan Pusat Panggilan Pelanggan Pusat Data dan Keselamatan Siber Pusat Internet Penyambungan perkhidmatan komersial dan perumahan Tinjauan tapak Pembaikan kerosakan Pembangunan dan Sokongan IT Pemasangan menara telekomunikasi, alat gelombang mikro, lurang dan saluran telekomunikasi dan gentian optik 	<ul style="list-style-type: none"> Wakil Sah/ Dealer Gudang penyimpanan Vendor penghantaran Vendor peralatan/sistem telekomunikasi Vendor penyelenggaraan Vendor pembaikan Vendor keperluan sokongan Vendor khidmat pelanggan Vendor keperluan sokongan
Pos dan Kurier	<ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan kaunter Pusat Perkhidmatan Pelanggan Pusat Panggilan Pelanggan Gudang/ hub penerimaan pengasingan Perkhidmatan logistik Perkhidmatan penghantaran 	<ul style="list-style-type: none"> Wakil Sah/ Dealer Gudang/ hub penyimpanan Vendor penghantaran Vendor pembaikan Vendor keperluan sokongan Vendor khidmat pelanggan
Penyiaran	<ul style="list-style-type: none"> Operasi dan penyelenggaraan Pusat Perkhidmatan Pelanggan Pusat Panggilan Produksi program, berita, rencana, kandungan tempatan untuk penyampaian maklumat 	<ul style="list-style-type: none"> Wakil Sah/ Dealer Vendor pemasangan peralatan Vendor keperluan sokongan

Tatacara permohonan adalah seperti berikut:

Carta Aliran	Penerangan	Proses
<pre> graph TD A[Kenalpasti sektor perkhidmatan] --> B[Permohonan surat] B --> C[Semakan SKMM] C --> D[Surat beroperasi dikeluarkan] C -.-> 1 hari bekerja D </pre>	<p>Kenal pasti sektor perkhidmatan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Telekomunikasi dan Internet Penyiaran Pos & Kurier 	<p>Menentukan jenis dan rantaian perkhidmatan yang terlibat bagi syarikat pemohon.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> Pemohon perlu menyediakan dokumen dengan lengkap. E-mel permohonan kepada mco.compliance@mcmc.gov.my 	<p>Permohonan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pelesen Pelesen bagi pihak vendor/ejen <p>Dokumen yang diperlukan bagi permohonan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Surat permohonan Mengisi Lampiran A (maklumat syarikat pemohon (pelesen/vendor/ejen)

	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan akan diproses dalam satu (1) hari bekerja. • Surat akan dikeluarkan kepada pemohon selepas diluluskan. 	<p>Permohonan yang tidak mempunyai maklumat lengkap atau syarikat yang tidak terdapat dalam senarai atau rantaian perkhidmatan perlu akan ditolak.</p>
--	--	--

Kebenaran bersyarat kepada pemegang lesen, memerlukan pemegang lesen bertanggungjawab terhadap rantaian perkhidmatan yang dipohon oleh pihak pemegang lesen.

Kebenaran bersyarat ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan dan peraturan baharu yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan akan terbatal sekiranya terdapat sebarang pelanggaran terhadap mana-mana peraturan yang ditetapkan.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



SKMM_MCMC



MCMCTV

